

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 29/08/2007

Ramon tanam rumput dari Dataran Merdeka

UM - 29/8/2007

Oleh NORLIZAH ABAS

Sebelum Merdeka

KUALA LUMPUR 28 Ogos - Demi mengabadikan kenangan terhadap sambutan kemerdekaan pada tahun 1957, penganalisis ekonomi, Tan Sri Ramon Navaratnam berusaha mendapatkan tanah dan rumput asal di Dataran Merdeka untuk ditanam di halaman rumahnya.

Beliau yang kini berusia 72 tahun berkata, tanah dan rumput itu dianggapnya sebagai sangat istimewa dan satu peninggalan yang tidak ternilai yang pasti mengembalikan kenangan setiap kali negara meraikan kemerdekaan.

Sebab itu, kata bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan itu, beliau tidak teragak-agak menyuruh anaknya mengambil tanah dan rumput di Dataran Merdeka sebaik sahaja mengeta-

hui kawasan itu hendak dibangunkan.

"Idea untuk mengabadikan kenangan tersebut timbul kira-kira 20 tahun lalu apabila kawasan Dataran Merdeka hendak dibangunkan semula bagi membina tempat meletak kereta di bawah padang bersejarah itu.

"Saya lantas menyuruh seorang anak lelaki saya pergi mengambil tanah dan rumput di situ untuk ditanam di halaman rumah kami supaya malam penuh memori itu kekal subur dalam ingatan," katanya ketika dihubungi di sini.


Ramon berkata, tanah itulah tempat pemimpin dan rakyat berpijak ketika menyaksikan bendera 'Union Jack' diturunkan ketika jam besar di bangunan

Sultan Abdul Samad berdenting sebanyak 12 kali menandakan negara ini bebas daripada belenggu penjajahan.

"Saya sebak bercampur gembira sehingga tidak sedar air mata mengalir apabila menyaksikan bendera Malaysia dinaikkan dan berkibar megah," ujarnya menceritakan kenangan manisnya setiap kali 31 Ogos menjelma.

Ramon dilahirkan pada 6 Januari 1935 dan berusia 22 tahun ketika negara meraikan kemerdekaan. Beliau sekeluarga kini menetap di Bukit Bandaraya di sini.

Menurutnya, sewaktu negara mencapai kemerdekaan, beliau sedang menuntut di Universiti Malaya Singapura dan bergegas pulang ke ibu negara bagi me-



RAMON NAVARATNAM

nyaksikan sendiri peristiwa bersejarah itu.

Beliau berkata, bapanya yang ketika itu merupakan kerani kanan di Jabatan Kerja Raya (JKR)

bimbang apabila dia menyuarakan hasrat untuk ke Dataran Merdeka kerana risau akan berlaku huru-hara.

"Bagaimanapun, ibu saya sangat memahami dan meminta bapa melepaskan saya kerana saya sanggup datang dari Singapura untuk menyambut kemerdekaan," ujarnya penuh semangat.

Ditanya tentang semangat patriotisme di kalangan generasi muda masa kini, Ramon dengan nada suara yang perlahan mengakui semangat itu semakin luntur dan keadaan itu amat membimbangkannya.

"Golongan muda seharusnya melihat ke belakang dan menghargai penah lelah pejuang-pejuang kemerdekaan mengembalikan maruah negara, bukan sekadar mengingati tarikh keramat itu untuk sehari dan melupakannya untuk setahun," ujarnya.